

# Kes Undang: Mahkamah tunda putusan

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Mahkamah Persekutuan hari ini menangguhkan keputusan sama ada Mahkamah Tinggi Seremban mempunyai kuasa atau tidak menghakimkan pertikalan perlantikan Undang Luak Jelevu yang baru untuk menghalusi semua maklumat mengenai perlembagaan dan adat resam per-

lantikan Undang di Negeri Sembilan.

Ketua Hakim Negara, Tun Mohamad Suffian Hashim berkata, kes ini perlu dihalusi kerana ia melibatkan perlantikan jawatan yang amat mustahak di negeri itu.

"Mahkamah belum pernah memikirkan masalah adat yang begini susah. Kami menangguhkan keputusan kes ini untuk membaca segala maklumat berkenaan," katanya.

Dalam kes itu, Encik Musa bin Wahab, Undang Luak Jelevu yang dilantik pada 4 Februari tahun ini dan Datuk Othman bin Baginda mengemukakan memo merayu kepada Mahkamah Persekutuan meminta dibatalkan keputusan Mahkamah Tinggi Seremban yang memutuskan ia berkuasa menghakimkan pertikalan perlantikan Undang Jelevu yang baru.

Kedua yang merayu itu diwakili oleh Encik N. Ramachandran, Encik Ariffin Jaka, dan Encik Joseph Chia. Sementara pihak yang mendakwa, Datuk Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus, bekas Ahli Lembaga, diwakili oleh Encik Abdul Razak Ahmad.

Penasihat Undang-undang Negeri Sembilan, Encik Razali Hassan, hadir sebagai pemerhati bagi Kerajaan Negeri.

Semasa membentangkan hujjah rayuannya, Encik Ramachandran menegaskan, soal pemerintahan di Negeri Sembilan jika mengikut adat, adalah berbeza dari apa yang diamalkan di lain-lain negeri dalam negara ini.

Beliau juga mengemukakan beberapa fakta dan dokumen sejarah untuk membuktikan bahawa dari segi Perlembagaan, Undang Luak Jelevu sebenarnya adalah salah seorang pemerintah di Negeri Sembilan.